

SOALAN LAZIM

**PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI KENA DIBAYAR (CP204) DAN SKIM ANSURAN (CP500) MULAI 1 APRIL 2021 HINGGA 31 DISEMBER 2021 DI BAWAH PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA)
(Dikemas kini pada 28 Jun 2021)**

Bil	Soalan	Jawapan
1	Adakah penangguhan bayaran CP204 layak untuk semua tempoh asas atau terhad kepada tempoh asas berakhir 31 Disember 2021 sahaja?	Penangguhan bayaran CP204 layak untuk semua tempoh asas sekiranya pembayar cukai masih mempunyai bayaran ansuran dalam tempoh penangguhan yang dibenarkan iaitu 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021.
2.	Siapakah yang layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 mulai 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021 di bawah PEMERKASA?	Pembayar cukai yang menjalankan aktiviti perniagaan di bawah industri pelancongan, panggung wayang dan spa.

3. Apakah kod perniagaan yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500?

Kod perniagaan yang layak adalah seperti berikut:

No	Kod Perniagaan	Aktiviti
1	51101	Pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa
2	51102	Pengangkutan penumpang tidak berjadual
3	51103	Penyewaan peralatan pengangkutan dengan operator untuk tujuan pengangkutan penumpang
4	55101	Hotel dan hotel resort
5	55102	Motel
6	55103	Hotel Apartment
7	55104	Chalet
8	55105	Rumah rehat/rumah tetamu
9	55106	<i>Bed and breakfast unit</i>
10	55107	Asrama
11	55108	<i>Homestay</i>
12	55109	Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain
13	55200	Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler
14	55900	Penginapan lain
15	50111	Operasi rombongan, <i>cruise</i> atau bot persiaran
16	50112	Operasi feri, teksi air
17	50113	Sewaan bot santai dengan krew bagi pengangkutan laut dan pesisir pantai
18	79110	Aktiviti agensi pengembaraan
19	79120	Aktiviti operator pelancongan
20	79900	Khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan
21	59140	Aktiviti penayangan wayang gambar
22	96091	Aktiviti sauna, mandian stim, salon mengurut

4.	Adakah pembayar cukai di bawah industri pelancongan, panggung wayang dan spa masih layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 sekiranya mempunyai aktiviti perniagaan selain industri tersebut?	Ya. Pembayar cukai di bawah industri pelancongan, panggung wayang dan spa masih layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 sekiranya mempunyai aktiviti perniagaan selain industri tersebut.
5.	Adakah pembayar cukai di bawah industri pelancongan, panggung wayang dan spa perlu membuat permohonan penangguhan?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 dan CP500 akan diberikan secara automatik kepada semua pembayar cukai yang layak seperti yang terdapat dalam rekod LHDNM.
6.	Bagaimanakah kelayakan penangguhan bayaran ansuran CP204 dan CP500 ditentukan?	Kelayakan penangguhan ditentukan berdasarkan kepada Kod Perniagaan pembayar cukai seperti yang dinyatakan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) terkini yang diterima oleh LHDNM.
7.	Adakah pembayar cukai yang layak penangguhan bayaran CP204 dan CP500 perlu menjelaskan bayaran tertangguh secara sekaligus selepas tempoh penangguhan berakhir?	Tidak. Bayaran hendaklah dijelaskan semasa pengemukaan BNCP bagi tahun taksiran berkaitan sekiranya masih mempunyai baki cukai.
8.	Adakah kenaikan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) akan dikenakan kepada pembayar cukai yang mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500?	Kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) ACP tidak akan dikenakan dalam tempoh penangguhan.

9.	Adakah bayaran CP204 dan CP500 yang telah dijelaskan dalam tempoh penangguhan boleh dibawa ke hadapan untuk menjelaskan ansuran selepas tamat tempoh penangguhan?	Sekiranya pembayar cukai yang layak telah menjelaskan bayaran dalam tempoh penangguhan, bayaran tersebut tidak dibenarkan untuk dibawa ke bulan selepas tamat tempoh penangguhan atau tahun taksiran berikutnya. Kenaikan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) ACP juga tidak akan dikenakan jika berlaku kelewatan bayaran dalam tempoh penangguhan tersebut.
10.	Adakah pembayar cukai boleh memilih untuk menolak penangguhan bayaran CP204 dan CP500 secara automatik ini dan meneruskan bayaran seperti jadual bayaran ansuran asal? Sekiranya ya, adakah pembayar cukai perlu memaklumkan kepada pihak LHDNM?	Ya. Pembayar cukai boleh menolak dan meneruskan bayaran CP204 atau CP500 berdasarkan jadual bayaran asal tanpa perlu memaklumkan kepada pihak LHDNM.
11.	Adakah pihak LHDNM akan mengeluarkan pemakluman kepada pembayar cukai yang layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 ini?	Ya. LHDNM akan memaklumkan pembayar cukai yang layak penangguhan bayaran CP204 dan CP500 melalui e-mel berdaftar dengan LHDNM dalam masa terdekat. Sekiranya pembayar cukai layak penangguhan berdasarkan kod layak seperti Jawapan No. 3 di atas tetapi masih belum menerima e-mel tersebut, pembayar cukai tidak perlu membuat bayaran bagi ansuran yang berkuatkuasa pada 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021.
12.	Adakah pembayar cukai boleh membuat rayuan sekiranya didapati layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 ini berdasarkan status terkini pembayar cukai?	Ya. Pembayar cukai boleh membuat rayuan melalui e-mel ke alamat seperti berikut mengikut jenis kategori: cp204pemerakasa@hasil.gov.my atau cp500pemerakasa@hasil.gov.my
13.	Adakah pembayar cukai yang layak mendapat penangguhan boleh memfailkan pindaan	Ya. Pembayar cukai boleh memfailkan pindaan kepada CP204 pada bulan ke-6 atau / dan ke-9 tempoh asas yang jatuh dalam tempoh penangguhan atau membuat pindaan kepada CP500 sebelum 30 Jun 2021.

	<p>kepada CP204 pada bulan ke-6 atau / dan bulan ke-9 tempoh asas yang jatuh dalam tempoh penangguhan atau membuat pindaan kepada CP500 sebelum 30 Jun 2021?</p>	
14.	<p>Adakah pembayar cukai bagi kod perniagaan selain dinyatakan di jawapan No.3 boleh merayu penangguhan bayaran CP204 bagi bulan April 2021 hingga Disember 2021?</p>	<p>Pembayar cukai bagi kod perniagaan selain dinyatakan di jawapan No.3 yang terjejas perniagaannya boleh mengemukakan permohonan rayuan penangguhan bayaran CP204 kepada LHDNM dengan mengemukakan dokumen sokongan.</p> <p>Permohonan rayuan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada cp204pemerakasa@hasil.gov.my.</p> <p>Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.</p>
15.	<p>Adakah pembayar cukai bagi kod perniagaan selain dinyatakan di jawapan No.3 boleh merayu penangguhan bayaran CP500 bagi bulan Mei, Julai, September dan November 2021?</p>	<p>Pembayar cukai bagi kod perniagaan selain dinyatakan di jawapan No.3 yang terjejas perniagaannya boleh mengemukakan permohonan rayuan penangguhan bayaran CP500 bersama dokumen sokongan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail atau emel kepada cp500pemerakasa@hasil.gov.my.</p> <p>Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.</p>

CONTOH PELAKSANAAN PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI KENA DIBAYAR (CP204) DAN SKIM ANSURAN (CP500) MULAI 1 APRIL 2021 HINGGA 31 DISEMBER 2021 DI BAWAH PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA)

Senario 1

Syarikat A menjalankan aktiviti operator pelancongan.

Tempoh perakaunan	01/10/2020 – 30/09/2021
Tempoh asas	01/10/2020 – 30/09/2021
Amaun CP204 asal telah dikemukakan kepada LHDNM	RM120,000.00
Layak penangguhan bayaran CP204	April 2021 – Disember 2021
Cukai Kena Dibayar	RM150,000.00

Bilangan Ansuran	Tarikh Akhir Bayaran	Amaun Anggaran Cukai (RM)	Amaun Yang telah Dibayar (RM)	Catatan
1	15/11/2020	10,000.00	10,000.00	
2	15/12/2020	10,000.00	10,000.00	
3	15/01/2021	10,000.00	10,000.00	
4	15/02/2021	10,000.00	10,000.00	
5	15/03/2021	10,000.00	10,000.00	
6	15/04/2021	10,000.00	-	<ul style="list-style-type: none"> Layak Penangguhan Bayaran Ansuran bagi tempoh April – Disember 2021; dan Dikecualikan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) ACP
7	15/05/2021	10,000.00	-	
8	15/06/2021	10,000.00	-	
9	15/07/2021	10,000.00	-	
10	15/08/2021	10,000.00	-	
11	15/09/2021	10,000.00	-	
12	15/10/2021	10,000.00	-	
		120,000.00	50,000.00	

- ✓ Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP (jika ada) berdasarkan amaun anggaran cukai asal RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas berkenaan.
- ✓ Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh pengemukaan BNCP TT2021 adalah RM150,000.00 – RM50,000.00 = RM100,000.00. Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP akan dikenakan sekiranya pembayar cukai lewat menjelaskan baki cukai tersebut.

Senario 2

Syarikat WZ menjalankan aktiviti operasi rombongan, *cruise* atau bot persiaran.

Tempoh perakaunan	01/01/2021 – 31/12/2021
Tempoh asas	01/01/2021 – 31/12/2021
Amaun CP204 asal telah dikemukakan kepada LHDNM	RM240,000.00
Layak penangguhan bayaran CP204	April 2021 – Disember 2021
Cukai Kena Dibayar	RM250,000.00

Bilangan Ansuran	Tarikh Akhir Bayaran	Amaun Anggaran Cukai (RM)	Amaun Yang telah Dibayar (RM)	Catatan
1	15/02/2021	20,000.00	20,000.00	
2	15/03/2021	20,000.00	20,000.00	
3	15/04/2021	20,000.00	-	• Layak Penangguhan Bayaran Ansuran bagi tempoh April – Disember 2021; dan
4	15/05/2021	20,000.00	-	
5	15/06/2021	20,000.00	-	
6	15/07/2021	20,000.00	-	
7	15/08/2021	20,000.00	-	
8	15/09/2021	20,000.00	-	
9	15/10/2021	20,000.00	-	
10	15/11/2021	20,000.00	-	
11	15/12/2021	20,000.00	-	
12	15/01/2022	20,000.00	20,000.00	Layak pengenaan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP jika gagal/lewat bayaran
		240,000.00	60,000.00	

- ✓ Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP (jika ada) berdasarkan amaun anggaran cukai asal RM240,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas berkenaan.
- ✓ Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh pengemukaan BNCP TT2021 adalah RM250,000.00 – RM60,000.00 = RM190,000.00. Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP akan dikenakan sekiranya pembayar cukai lewat menjelaskan baki cukai tersebut.

Senario 3

Pembayar cukai B menjalankan perniagaan spa dan tertakluk kepada CP500.

Tahun Taksiran 2021

CP500 asal : RM30,000.00
Cukai Kena Dibayar (BNCP) : RM10,000.00

Bilangan Ansuran	Tarikh Akhir Bayaran	Amaun Anggaran Cukai (RM)	Bayaran (RM)	Catatan
1	30/03/2021	5,000.00	5,000.00	Patuh Bayaran
2	30/05/2021	5,000.00	-	• Layak Penangguhan Bayaran Ansuran; dan • Dikecualikan kenaikan cukai di bawah seksyen 107B(3)
3	30/07/2021	5,000.00	-	
4	30/09/2021	5,000.00	-	
5	30/11/2021	5,000.00	-	
6	30/01/2022	5,000.00	-	
Amaun		30,000.00	5,000.00	

- ✓ Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan amaun ansuran CP500 dalam tempoh penangguhan 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021.
- ✓ Jumlah amaun ansuran CP500 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM30,000.00. Sebarang permohonan pindaan amaun jadual adalah sebelum 30 Jun 2021.
- ✓ Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(4) ACP adalah berdasarkan amaun CP500 asal atau pindaan (jika ada)
- ✓ Baki cukai yang kena dibayar pada 30 Jun 2022 ialah $RM10,000.00 - RM5,000.00 = RM5,000.00$. Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP akan dikenakan sekiranya pembayar cukai lewat menjelaskan baki cukai tersebut.